

# Eliquis<sup>®</sup>

## Pil Apixaban

---

### Risalah Maklumat Pesakit

Risalah ini mengandungi maklumat mengenai ubat Apixaban. Namun, maklumat ini tidak dapat menjawab kesemua soalan tentang Apixaban. Ia juga tidak boleh menggantikan perbincangan antara pesakit dengan doktor atau ahli farmasi. Sila gunakan maklumat ini sebagai panduan untuk bertanyakan soalan yang lebih lanjut kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Apixaban is available as (Eliquis<sup>®</sup>) and comes in tablets of 2.5mg and 5mg.



### Apakah antikoagulan oral (direct-acting oral anticoagulants (DOACs))?

Apixaban adalah antikoagulan oral (DOACs) yang merupakan ubat-ubatan yang digunakan untuk mencegah dan merawat pembekuan darah.

Apixaban mengganggu process pembekuan darah yang normal (pembekuan). Walaupun dikenali sebagai 'pencair darah', ia tidak mencairkan darah tetapi hanya mengurangkan risiko pembekuan.

Ubat ini mencegah pembekuan darah atau megurangkan pembekuan darah berterusan berlaku pada darah yang beku. Apixaban tidak akan mencairkan darah yang sudah membeku tetapi ia boleh mencegah darah yang beku dari membesar sementara darah beku ini dicairkan dengan semulajadi di dalam badan.

Pesakit yang mengambil Apixaban tidak perlu menjalani ujian darah berkali-kali untuk memastikan ubat ini berkesan. Doctor anda mungkin akan meminta anda menjalani ujian darah untuk memastikan buah pinggang dan hati anda berfungsi dengan baik. Apixaban mungkin tidak sesuai sekiranya anda megalami penyakit buah pinggan atau hati yang serius.

### Mengapakah saya diberikan Apixaban?

Anda mengambil Apixaban untuk (*sila semak kotak yang sesuai*)

- Untuk mencegah serangan Angin ahmar /strok yang disebabkan oleh degupan jantung yang tidak teratur (atrial fibrillation)
- Untuk mencegah pembekuan darah selepas pembedahan tulang pinggul atau penggantian lutut (hip or knee replacement surgery)
- Untuk rawatan darah beku di anggota kaki dari berulang (deep vein thrombosis)

- Untuk rawatan atau pencegahan darah beku yang tersebar ke paru-paru (pulmonary embolism)
- Untuk kegunaan lain: \_\_\_\_\_

Tempoh rawatan anda boleh mengambil masa 3 hingga 6 bulan, atau jangka masa yang panjang, bergantung kepada keadaan anda.

### **Bagaimana saya mengambil ubat ini?**

- Apixaban harus diambil dengan atau tanpa makanan
- Jika anda tidak boleh menelan tablet, anda boleh menghancurkannya.
- Anda harus mengambil setiap hari pada waktu yang ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Jangan ketinggalan atau terlupa mengambil ubat anda. Jangan mengambil 2 dos sekaligus, menukar dos atau berhenti mengambil ubat tanpa berbincang bersama doktor anda.
- Anda perlu tahu dos (mg) anda, bentuknya dan mengapa anda diberi ubat ini. Pastikan bekalan ubatan anda sentiasa mencukupi, harus ditambah sebelum kehabisan.

### **Bilakah harus ubat ini diambil?**

Apixaban harus diambil seperti yang ditetapkan oleh doktor, diberikan sekali atau dua kali sehari. Ia harus diambil dengan makanan.

### **Apakah yang harus anda lakukan sekiranya anda tertinggal satu dos?**

- Jika anda mengambil Apixaban sekali sehari tetapi anda terlupa, anda hanya perlu mengambil dos seharian anda seperti biasa di keesokan hari. Jangan menggandakan dose ubat anda.
- Jika anda mengambil Apixaban dua kali sehari, anda harus mengambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda mengingatinya. Sekiranya ini berlaku dalam masa kurang daripada 6 jam sebelum dos seterusnya, anda tidak perlu mengambil dos yang terlepas, anda hanya perlu mengambil dos seterusnya seperti biasa. Jangan menggandakan dos ubat anda.

### **Apakah kesan sampingan yang mungkin dialami dengan pengambilan Apixaban?**

#### **Apakah langkah-langkah yang patut diambil jika berlaku sedemikian?**

Kesan sampingan yang mungkin anda alami adalah reaksi alahan ubat, mual, sakit perut atau sakit anggota badan.

Kesan sampingan yang biasa dialami adalah pendarahan, berkaitan dengan kesan Apixaban yang melewati proses pembekuan darah.

Sila beritahu doktor anda jika anda mengalami kesan-kesan sampingan yang berikut:

- Pendarahan hidung yang luar biasa
- Pendarahan dari gusi ketika memberus gigi
- Pendarahan luka kecil yang berterusan (10-15 minit) walaupun sudah dikenakan tekanan pada luka.  
*Tindakan: Beritahu doctor anda sekiranya pendarahan berterusan dan tidak berhenti dalam tempoh masa 15 minit, atau sekiranya anda berasa kurang sihat.*
- Pendarahan haid yang berlebihan (wanita)  
*Tindakan: Bagi wanita, pendarahan haid yang berlebihan adalah biasa, tetapi sila beritahu doctor anda sekiranya anda berasa kurang sihat.*

Kesan **serius** Apixaban termasuk:

- Air kencing yang mengandungi darah atau berwarna keruh dan gelap.
- Najis berwarna hitam, melekit atau berciciran (bukan disebabkan pengambilan supplemen tambahan darah).
- Muntah yang berdarah atau berwarna gelap. Lebam atau tompok yang luar biasa pada kulit yang tidak diketahui puncanya.
- Sakit kepala yang teruk secara tiba-tiba diikuti dengan mual dan hilang kesedaran.

*Tindakan: Periksa dengan doktor anda dengan segera atau daftarkan diri di Jabatan Kemalangan dan Kecemasan (Accident and Emergency Departmen) dengan segera pergi ke Unit Kecemasan (A&E) sekiranya anda berasa megalami simptom-simtom di atas.*

### **Apakah langkah berjaga-jaga yang khusus semasa mengambil ubat?**

- Beritahu doktor jika anda hamil, sedang merancang untuk mengandungi atau sedang menyusu bayi. Anda tidak seharusnya mengambil Apixaban jika hamil atau dalam keadaan menyusu bayi.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil sebarang ubatan yang lain (sama ada di surat ubat atau beli di kaunter sahaja), produk tambahan kesihatan atau herba. Bahan-bahan produk ini mungkin berinteraksi dengan ubat-ubatan anda.
- Anda mungkin boleh berdarah dengan lebih mudah:
  - o Anda harus berhati-hati dengan gunakan berus gigi yang lembut atau pencukur elektrik untuk mengelakkan kecederaan atau luka.
  - o Jika anda perlu menjalani pembedahan atau rawatan gigi, sila beritahu doktor atau doktor gigi bahawa anda mengambil Apixaban, mungkin ubat ini perlu dihentikan untuk mengelakkan pendarahan yang berlebihan.
- *Sila hubungi farmasi di talian: \_\_\_\_\_ jika anda mempunyai sebarang pertanyaan.*

### **Bagaimanakah harus ubat ini disimpan?**

- Simpan ubat-ubatan anda di tempat yang dingin, kering dan jauhi dari cahaya matahari.
- Simpankan ubat-ubatan anda di dalam pembungkusan asal yang disediakan. Jangan simpan pelbagai jenis ubat di dalam bekas yang sama.
- Jauhi ubat-ubatan anda dari kanak-kanak



**SingHealth**

Version 1

Last Review: 30/06/2017

Produced by Department of Pharmacy  
of Singapore General Hospital  
and

National Heart Centre of Singapore

**PATIENTS. AT THE HEART OF ALL WE DO.®**